

## BAB 4

### DEMOKRASI LIBERAL DARI TAHUN 1949-1957

*"Saudara-saudara pemimpin partai-partai politik! Negara kita didasarkan atas faham demokrasi. Keinginan rakyat menentukan susunan Pemerintah dan kebijaksanaan Pemerintah. Hal ini didasarkan atas kepercayaan dan pengharapan, bahwa dengan jalan begini Negara kita akan memperoleh Pemerintah yang sebaik-baiknya. Partai-partai politik-lebih tegas: pemimpin-pemimpin partai-partai politik-mempunyai tanggung-djawab untuk membuktikan, bahwa kepercayaan dan pengharapan ini adalah benar. Kemampuan kebijaksanaan, dan terutama sekali rasa tanggung-djawab dari pimpinan partai-partai politik akan menentukan hari-kemudian dari demokrasi dinegeri ini. Demokrasi bukanlah satu tujuan, demokrasi bukanlah satu doel. Demokrasi hanyalah satu dasar untuk menjapai sesuatu dengan kehendak dan kepentingan Rakyat. Demokrasi hanya akan dapat dipertahankan, apabila pemimpin-pemimpin- penganut -demokrasi itu dapat membuktikan, bahwa mereka dapat memberikan kepada negara suatu pemerintahan yang sebaik-baiknya, yang sesuai dengan kehendak dan kepentingan Rakyat. Tjatkanlah hal ini, saudara-saudara, sedalam-dalamnya!" -Sukarno<sup>1</sup>*

#### PENGENALAN

Bab ini akan membicarakan tentang tahap Demokrasi Liberal. Walaupun langkah-langkah awal untuk memperkenalkan Demokrasi Liberal sudah bermula dari tahun 1945-1949 namun usaha secara serius hanya bermula antara tahun 1949-1957. Bab ini akan memberi tumpuan kepada kejatuhan kabinet dan masalah-masalah lain yang menggagalkan usaha Demokrasi Liberal.

#### **Demokrasi Liberal**

Walaupun tempoh dari tahun 1945-1949 dikenali sebagai sistem pemerintahan Demokrasi, namun Demokrasi Liberal secara serius diperkenalkan selepas Indonesia mendapat kemerdekaan dari Belanda pada 27 Disember 1949. Kebanyakan sarjana seperti Herbert Feith, G.M.Kahin, J.D.Legge, Bernhard Dahm, C.L.M.Penders dan ramai lagi berpendapat bahawa tahun-tahun antara 1949 hingga 1957 merupakan tempoh

---

<sup>1</sup>Lihat Pidato Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1951 yang bertajuk "TJAPAILAH:TATA-TENTERAM-KERTA-RAHARDJA".

tempoh Demokrasi Liberal yang sebenar di Indonesia.<sup>2</sup> Sistem Demokrasi Liberal ini boleh dibezakan dengan sistem "Demokrasi Terpimpin"<sup>3</sup> kerana Demokrasi Terpimpin mula dipraktikkan selepas tahun 1957 atau tempoh ini juga dikenali sebagai tempoh peralihan ke arah Demokrasi Terpimpin. Kelebihan sistem Demokrasi Liberal ialah seperti yang terdapat di Barat iaitu kuasa terletak ditangan parti-parti politik manakala peranan Presiden dan tentera pada tahap Demokrasi Liberal adalah sangat terhad.<sup>4</sup>

Semasa Indonesia mengadakan rundingan dengan Belanda yang bertujuan mendapatkan kemerdekaan beberapa persetujuan dicapai untuk menegakkan kedaulatan kemerdekaan Indonesia dan di antaranya ialah pembentukan Negara Republik Indonesia. Mengikut persetujuan Konferensi Meja Bundar(KMB)<sup>5</sup> di antara kedua-dua negara, selepas Indonesia Merdeka akan terbentuk sebuah Negara Republik Indonesia Serikat (RIS) atau Negara Federal<sup>6</sup>. Namun negara RIS ini terpaksa dibubarkan pada tahun 1950 kerana ada negeri-negeri lain seperti Negeri Indonesia Timur dan Sumatera Timur mahu bergabung kembali ke dalam wilayah Indonesia.

Akhirnya usaha untuk menjadikan Indonesia sebagai negara kesatuan berjaya selepas Presiden Sukarno menandatangani Undang-undang Dasar 50 (UUD 50)<sup>7</sup>. Selepas

---

<sup>2</sup>Lihat Akhbar Harian Indonesia Raya, Kemis 29 Nopember 1956.

<sup>3</sup>Demokrasi Terpimpin ini diperkenalkan kemudian oleh Sukarno untuk menggantikan sistem Demokrasi Liberal yang pada pendapatnya gagal. Mengikut Sukarno " Demokrasi Terpimpin" ini adalah satu bentuk musyawarah dan muafakat sebagai satu cara bekerja atau satu modus operandi dari suku-suku bangsa Indonesia yang telah diwariskan secara turun-temurun. Lihat Cindy Adams, Sukarno: An Autobiography, hlm.278.

<sup>4</sup>Lihat G.M.Kahin, Governments and Politics, hlm.204. Lihat juga, Nugroho Notokusanto, Dwifungsi ABRI, hlm.60.

<sup>5</sup>KMB adalah rundingan antara Indonesia dengan Belanda bertujuan memberikan kemerdekaan kepada Indonesia. Namun kebanyakan sejarawan di Indonesia tidak menggunakan istilah 'pemberian kemerdekaan' tetapi menggunakan istilah 'pengakuan kedaulatan'.

<sup>6</sup>Tujuan Belanda mengenakan syarat ini ialah untuk menjaga kepentingan Belanda di Indonesia. Belanda percaya melalui Negara Federal ia akan memudahkan Belanda menjaga kepentingan dan jika terdesak akan memecahkan belahkan negara federal ini mengikut kemahuan Belanda.

<sup>7</sup>Lihat Kementerian Penerangan, Republik Indonesia Daerah Istimewa Jagjakarta, hlm.326-327.

tahun 1950, Indonesia kembali menjadi negara kesatuan yang diberi nama Republik Indonesia. Selepas menyatukan negara Indonesia di bawah satu kuasa melalui Undang-Undang Dasar 50 (UUD 50)<sup>8</sup> terdapat 7 Kabinet yang memerintah Indonesia dari Disember 1949 hingga March 1957.<sup>9</sup> Kabinet pertama dalam tempoh Demokrasi Liberal yang sebenar ialah Kabinet Hatta.

### **Kabinet Hatta**

Selepas mendapat kemerdekaan dari Belanda, Presiden Sukarno selaku Presiden Indonesia telah meminta Hatta untuk membentuk Kabinet pertama. Kabinet Hatta<sup>10</sup> ini merupakan Kabinet yang penting dalam tempoh ini kerana tidak ada ancaman dari kuasa Belanda dan kesempatan ini boleh digunakan dengan baik untuk menyelesaikan masalah dalaman negara. Dalam persetujuan KMB, Indonesia juga bersetuju untuk menanggung jumlah hutang luar negeri sebanyak Rp 2.800 juta.<sup>11</sup> Defisit kerajaan Indonesia pada masa itu ialah sebanyak Rp.5.1 juta. Semasa zaman Revolusi<sup>12</sup> menentang Belanda, Indonesia menanggung beban ekonomi dan kewangan yang teruk akibat perjanjian KMB dan ini mengakibatkan terdapatnya inflasi dan defisit yang teruk.<sup>13</sup> Masalah ekonomi menjadi agenda utama kerajaan Hatta.

Hatta telah mengambil langkah-langkah serius untuk mengawal inflasi. Beliau mengeluarkan peraturan pemotongan wang pada 19haribulan Mac 1950. Mengikut

---

<sup>8</sup>Mengikut UUD 50 kekuasaan eksekutif berada ditangan Perdana Menteri dan Kabinet bergantung kepada sokongan Parlimen manakala Presiden menjadi lambang kehormat sahaja.

<sup>9</sup>Herbert Feith, The Indonesian Elections of 1955, Modern Indonesian Project Southeast Asia program, Cornell University, Ithaca, 1957, hlm.7-19.

<sup>10</sup>Lihat Presidential Decree, 20 December 1949. Kabinet Hatta ini berkuasa dari 20 December 1949 hingga 6 September 1950.

<sup>11</sup>Lihat Ir. Djuanda, "Ekonomi Nasional", Mimbar Indonesia, No.32, Th.IV, 12 Augustus 1950, hlm.11.

<sup>12</sup>Zaman revolusi juga dikenali sebagai perang kemerdekaan Indonesia dari tahun 1945-1949.

<sup>13</sup>Lihat Sukardjo Wirjopranoto, "Pertanggung-djawab atas keamanan", Mimbar Indonesia, 19 November 1949.

peraturan ini wang yang bernilai 2.50 guilders keatas dipotong menjadi dua, sehingga nilainya tinggal setengahnya. Setengah daripada nilai wang ini digunakan untuk cetak wang kertas baru dan setengah lagi disimpan dalam bon kerajaan. Selain itu deposit bank yang lebih dari 400 guilders, setengah diambil oleh kerajaan sebagai pinjaman wajib pada negara dan jumlah yang dapat dari pinjaman wajib ini ialah sebanyak Rp.1.6 juta.<sup>14</sup>Langkah Hatta ini membawa hasil yang baik kerana dapat mengawal inflasi agar tidak meningkat dengan mendadak.<sup>15</sup>

Selain itu, Hatta juga mengambil tindakan untuk memajukan barang eksport dengan memperkenalkan sistem sijil( Certificate system). Tujuan utama memperkenalkan sistem sijil ialah untuk merangsangkan barangan eksport. Nilai tukar rupiah dari Rp.3.80 setiap \$1, menjadi Rp.7.6 untuk setiap \$1 untuk barangan eksport dan Rp.11.40 setiap \$1 untuk barangan import.<sup>16</sup> Sistem ini memberi pulangan yang menguntungkan kepada barangan eksport dalam rupiah. Selain tindakan-tindakan pemerintah untuk memperbaiki keadaan ekonomi, meletusnya perang Korea menjadi satu rahmat kepada ekonomi Indonesia kerana perdagangan keluar negeri meningkat. Pada bulan April 1950,eksport Indonesia meningkat kepada 187% dan pada bulan Mei meningkat kepada \$115 juta.Hasil eksport yang memberi pulangan baik ialah getah.<sup>17</sup>

Masalah kedua yang sangat meruncingkan ialah masalah anggota tentera yang terlalu ramai sehingga membawa masalah kewangan yang serius kepada negara Indonesia yang baru Merdeka. Kabinet Hatta cuba menyelesaikan masalah ini dengan

---

<sup>14</sup>Lihat The Java Bank, Report for the Financial Year 1950-1951, hlm.29.

<sup>15</sup>Lihat Herbert Feith, The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia,1962, hlm.86.

<sup>16</sup>John Paul Meek, The Government and Economic Development in Indonesia, Ann Arbor, 1965, hlm.282-284.

<sup>17</sup>Ibid.

menawarkan peluang melanjutkan pelajaran di pusat latihan dan menjadikan mereka lebih profesional.<sup>18</sup> Hatta juga mahu menyusun kembali Tentera Nasional Indonesia (TNI) menjadi satu badan yang lebih profesional mengikut model cara Barat. Beliau telah melantik anggota-anggota tentera Belanda (KNIL) sebagai pelatih prajurit-prajurit TNI.<sup>19</sup> Anggota TNI menentang idea ini kerana mereka berpendapat anggota KNIL adalah pengkianat bangsa kerana pernah berkhidmat dibawah penjajah Belanda. Keadaan ini juga membawa rasa tidak puas hati di kalangan anggota TNI terhadap Kabinet Hatta.

Kabinet Hatta ini juga menjalankan politik luar negeri yang bebas-aktif. Pada masa itu hubungan diplomatik masih lebih kepada negara-negara Blok Barat berbanding negara Komunis. Usaha juga diambil untuk membaiki hubungan dengan pihak Belanda, dengan harapan Belanda akan menyerahkan Irian Barat. Kabinet Hatta mulakan rundingan dengan pihak Belanda. Indonesia mengemukakan dua usul kompromi untuk mendapatkan Irian-Barat daripada Belanda<sup>20</sup>. Usul pertama ialah Belanda mesti mengaku kedaulatan Irian Barat dan menyerahkan kepada Indonesia.

Usul kompromi yang kedua ialah Indonesia bersetuju memberikan kebebasan agama, hak asasi manusia, otonomi wilayah serta jaminan kepada kepentingan Belanda. Belanda enggan menerima usul-usul ini dan rundingan ini tidak membawa hasil yang baik. Masalah Irian Barat ini berlanjutan sehingga membawa pelbagai masalah kepada

---

<sup>18</sup>Notosoetardjo, *Dokumen-dokumen Konperensi Medja Bundar*, Djakarta, 1956, hlm 20-21.

<sup>19</sup>KNIL singkatan kepada Royal Netherlands Indies Army. Anggota tentera KNIL ini pernah menerima latihan dari Belanda dan pernah berkhidmat dalam tentera KNIL semasa penjajahan Belanda. Lihat Herbert Feith, *The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia*, hlm.15.

<sup>20</sup>Belanda tidak menyerahkan Irian Barat semasa memberikan kemerdekaan secara rasmi pada tahun 1949. Isu Irian Barat ini menjadi isu utama antara Indonesia dengan Belanda sehingga tahun 1963. Pada tahun 1963 Irian Barat menjadi milik Indonesia selepas tindakan-tindakan tegas dan dasar keras Presiden Sukarno selepas 1963. Nama Irian Barat ditukarkan kepada Irian Jaya dan sehingga kini dikenali sebagai Irian Jaya.

Kabinet-kabinet lain<sup>21</sup>. Dalam pada itu, selepas Indonesia menjadi negara kesatuan, Hatta dipilih menjadi wakil Presiden dan beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Kabinet seterusnya diketuai oleh Natsir.

### Kabinet Natsir

Kabinet Natsir ini adalah Kabinet kerjasama antara Masjumi dengan parti-parti lain. Parti yang paling berpengaruh iaitu PNI tidak turut serta dalam Kabinet Natsir. PNI tidak turut serta dalam Kabinet ini kerana Natsir enggan memberikan Kementerian dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan kepada PNI seperti yang dituntut oleh PNI<sup>22</sup>. Kabinet Natsir telah mengambil langkah-langkah serius untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara Indonesia ketika itu. Antara masalah utama ketika itu ialah seperti berikut:

1. mengembalikan keamanan dan menyelesaikan masalah negara pada masa itu.
2. mencari jalan untuk menyelesaikan masalah Irian-Barat
3. memberi tumpuan serius terhadap masalah ekonomi negara pada ketika itu.<sup>23</sup>

Kabinet Natsir menghadapi masalah utama yang harus ditangani segera iaitu masalah keamanan negara dan masalah Irian Barat.<sup>24</sup> Soal Irian Barat dan cara Kabinet

---

<sup>21</sup>Kabinet Natsir berkhidmat dari 6 September 1950 hingga 27 April 1951. Natsir merupakan ketua parti Masjumi. Lihat Presidential Decree, Unitary Republic of Indonesia 9/1950 (September 6, 1950) ; Demissionary from March 21, 1951.

<sup>22</sup>Kedua-dua kementerian ini penting kerana Kementerian dalam negeri berkuasa melantik Gabenor manakala Kementerian Pendidikan menentukan dasar pendidikan Negara. Lihat Perjuangan PNI dalam Parlemen, Malang, Pembina Rakjat, 1950, hlm.14-21.

<sup>23</sup>Herbert Feith, The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia, hlm.147-153.

<sup>24</sup>Lihat Pidato Presiden Republik Indonesia yang bertajuk "Djadilah Alat Sedjarah" Pada Tanggal Ulang Tahun Kemerdekaan 17 Augustus 1953.

Natsir mengambil usaha-usaha untuk mendapatkan kembali Irian Barat tidak disenangi oleh Sukarno. Masalah ini menyebabkan berlaku perbezaan pendapat antara Natsir dengan Presiden Sukarno. Perdana Menteri Natsir yang tidak senang dengan cara Presiden yang campurtangan dalam politik telah mempersoalkan kedudukan Presiden dan hak untuk campurtangan dalam politik.<sup>25</sup>

Sukarno berpendapat Belanda tidak boleh dipercayai dalam masalah Irian-Barat dan sikap pendirian yang tegas perlu diambil untuk mendapatkan kembali Irian Barat.<sup>26</sup> Kebanyakan pemerhati politik berpendapat Sukarno yang banyak hilang peranan dalam politik selepas pengenalan Demokrasi Liberal telah menggunakan isu Irian Barat untuk menempatkan diri kembali dalam politik nasional. Natsir pula berpendapat masalah Irian Barat boleh diuruskan kemudian, sedangkan ada masalah yang lebih penting lagi. Keadaan menjadi bertambah buruk kerana rundingan masalah Irian Barat antara Indonesia dengan Belanda menemui jalan buntu.<sup>27</sup>

PNI memainkan peranan sebagai pembangkang dan cuba menyatukan semua kumpulan yang menentang parti Masjumi dalam satu aliran dan menunggu masa yang sesuai untuk menjatuhkan Kabinet Masjumi. Kegagalan Kabinet Natsir mendapatkan kembali Irian Barat telah menjadi isu utama PNI untuk bertindak dan menjatuhkan Kabinet Natsir. PNI membawa usul tidak percaya terhadap Kabinet Natsir kerana tidak tegas dalam isu Irian Barat. PNI yang tidak menyertai Kabinet ini telah menggunakan kesempatan ini untuk menjatuhkan Kabinet Natsir.

---

<sup>25</sup> Seperti yang diketahui dibawah sistem Demokrasi Liberal, Presiden hanya menjadi lambang kehormatan sahaja. Perkara ini kurang menyenangkan Sukarno dan beliau cuba menggunakan kesempatan untuk menguji pengaruhnya dalam parlimen.

<sup>26</sup> Lihat "The Resignation of the Natsir Cabinet", *Indonesian Affairs*, Vol.I, no.3, March 1951.

<sup>27</sup> Lihat *Merdeka* 18 Disember 1954.

## **Analisis terhadap Kabinet Natsir**

Sukarno sangat kecewa dengan cara parti-parti politik bertindak.<sup>28</sup> Kabinet Natsir telah berusaha mengatasi masalah negara tetapi soal Irian Barat dijadikan alasan utama oleh parti-parti lain untuk menjatuhkan Kabinet ini. Sebenarnya Natsir mahu menyelesaikan masalah yang lebih serius seperti keamanan, masalah tentera dan masalah ekonomi. Natsir berpendapat masalah Irian Barat boleh diselesaikan melalui saluran diplomatik dan ia dapat dilakukan selepas mengatasi semua masalah negara yang lebih penting. Namun keghairahan parti politik yang lebih mementingkan parti dan kepentingan politik menyebabkan tekanan meningkat kepada Kabinet Natsir sehingga hilang kepercayaan Parlimen dan akhirnya Kabinet ini tumbang. Tugas membentuk Kabinet seterusnya jatuh ketangan Sukiman dan beliau berjaya mendapat sokongan yang diperlukan untuk membentuk Kabinet. Apakah Kabinet Sukiman ini akan berjaya membawa kestabilan politik? Dalam perbincangan seterusnya kita akan dapat melihat masalah -masalah yang dihadapi oleh Kabinet Sukiman.

## **Kabinet Sukiman**

Kabinet Sukiman ini adalah Kabinet kerjasama antara Masjumi dan PNI<sup>29</sup>. Kabinet Sukiman ini telah menetapkan beberapa matlamat seperti menyelesaikan masalah keamanan negara, ekonomi, mengadakan pilihan raya, politik luar negeri bebas-aktif dan menyelesaikan masalah Irian Barat dengan cepat. Namun Kabinet ini juga

---

<sup>28</sup>Pidato Ulang Tahun Kemerdekaan 17 Augustus 1952.

<sup>29</sup>Kabinet Dr.Sukiman Wirjosandjojo berkuasa dari 27 April 1951 hingga 3 April 1952. Beliau mewakili parti Masjumi. Kabinet ini juga disertai oleh parti-parti kecil yang lain seperti Parkindo, Parti Demokrat, Parindra dan lain-lain lagi. Untuk keterangan lanjut, lihat Presidential Decree 80/1951( April 27, 1951); Demissionary from February 23, 1952.



menghadapi beberapa masalah utama sehingga membawa kejatuhannya. Di antara beberapa masalah itu ialah persetujuan bantuan ekonomi dan persenjataan dari Amerika Syarikat atas dasar 'Mutual Security Act'<sup>30</sup>. Ini membawa kepada kejatuhan Kabinet Sukiman.

Ada beberapa peristiwa penting yang berlaku pada masa pemerintahan Kabinet Sukiman sehingga beliau mengubah dasar beliau yang pro kepada Amerika.<sup>31</sup> Pada awal Ogos 1951 berlaku satu penentangan terhadap Kabinet Sukiman oleh pekerja-pekerja dari sektor lain seperti sektor perindustrian dan lain-lain sektor yang menuntut keistimewaan-keistimewaan seperti yang dijanjikan kepada pekerja-pekerja awam.<sup>32</sup> Pekerja-pekerja dari sektor lain juga mengadakan mogok dan mendesak kerajaan agar memberi perhatian yang sama seperti yang diberikan kepada sektor awam. Mogok kumpulan ini mendapat sokongan kuat dari PKI. PKI berjaya memperalatkan rakyat Indonesia untuk menentang Kabinet Sukiman.

Sukiman yang tidak begitu puas hati dengan peranan PKI telah bertindak tegas terhadap mereka dengan menangkap ahli PKI.<sup>33</sup> Selepas peristiwa mogok ini, Sukiman telah membuat keputusan untuk bertindak tegas terhadap PKI dan telah mengadakan kerjasama yang lebih erat dengan Amerika Syarikat<sup>34</sup>. Pada masa yang sama, Amerika

---

<sup>30</sup>Kerjasama dengan Amerika Syarikat dalam beberapa bidang seperti Ekonomi, persenjataan dan juga bantuan teknikal kepada Indonesia. Lihat Pedoman, March, 1952.

<sup>31</sup>Akhbar Pedoman ini mempunyai hubungan rapat dengan Parti Sosialis. Lihat Pedoman, 11 Februari 1952.

<sup>32</sup>Kabinet Sukiman cuba mendapat sokongan rakyat dengan memperkenalkan beberapa keistimewaan kepada kakitangan awam seperti Bonus Rp.125 hingga Rp.200 dan juga agihan beras percuma setiap bulan. Tujuan pemerintah ialah mahu mendapatkan sokongan padu kepada Masjumi dari sektor awam sebelum menghadapi pilihan raya umum. Ini menyebabkan pekerja dari sektor lain juga turut mahukan keistimewaan ini. Lihat Keterangan Pemerintah atas Program Kabinet Sukiman, Jakarta: Kementerian Penerangan, 1951.

<sup>33</sup>Kabinet Sukiman juga memberi penekanan kepada PKI dengan melancarkan gerakan anti-komunis. Kabinet Sukiman ini juga dikenali sebagai Kabinet anti-Komunis. Lihat Harian Rakjat, 7 Agustus, 1951.

<sup>34</sup>Dasar pro Amerika yang bertujuan mahu menyekat pengaruh PKI di Indonesia. Lihat Ibid.

Syarikat juga mahu hubungan yang lebih rapat dengan Indonesia untuk mengurangkan pengaruh Komunis di Indonesia, kerana Amerika Syarikat berpendapat pengaruh Komunis sudah mula bertapak di Indonesia. Hubungan Indonesia-Amerika diertatkan lagi melalui perjanjian 'Mutual Security Act'.

Kabinet ini dari awal lagi telah menetapkan bahawa dasar luar negerinya ialah dasar bebas aktif tetapi perjanjian yang ditandatangani dalam 'Mutual Security Act' ini dikatakan telah melanggar matlamat negara. <sup>35</sup>Perjanjian antara Indonesia dengan Amerika ini yang ditandatangani oleh Sukiman ini dikatakan lebih kepada pro Barat dan kebanyakan ahli parlimen hilang kepercayaan terhadap dasar-dasar Kabinet Sukiman. <sup>36</sup>Parti PNI memainkan peranan penting dalam usul tidak percaya terhadap Kabinet Sukiman, walaupun Masjumi dan PNI berkongsi membentuk Kabinet pada masa itu. Sikap ini menggambarkan persaingan antara parti untuk menguasai tampuk pemerintahan walaupun Kabinet yang memerintah itu menjalankan dasar yang baik dan penting untuk negara Indonesia. Akhirnya kabinet Sukiman hanya dapat bertahan selama setahun dan selepas tumbang ia diganti dengan Kabinet yang baru diketuai oleh Wilopo.

### **Analisis terhadap Kabinet Sukiman**

Nampaknya alasan demi alasan yang dikemukakan untuk menjatuhkan setiap Kabinet kurang menyenangkan rakyat. Walaupun Sukarno juga tidak setuju dengan

---

<sup>35</sup>Ide Anak Agung Gde Agung, *Twenty Years Indonesia Foreign Policy 1945-1965*, Paris, 1973, hlm.198.

<sup>36</sup>Pada masa itu berlaku persaingan antara Amerika Syarikat dan Soviet Union atas dasar ideologi. Kedua pihak sedang mencari dan mendapatkan kawan dan membentuk blok Barat dan blok Timur. Perbezaan ideologi ini menimbulkan keadaan perang dingin. Dalam keadaan yang berbahaya ini Indonesia memutuskan untuk melaksanakan politik luar negeri bebas. Kepentingan rakyat dan keamanan dunia menjadi agenda utama dalam dasar politik luar negeri. Namun, kegagalan Kabinet Sukiman menepati dasar ini telah dijadikan alasan untuk menjatuhkan Kabinet ini. Lihat Moh. Hatta, Dasar-dasar Politik Luar Negeri Republik Indonesia, Djakarta, 1953, hlm.173.

beberapa dasar Kabinet Sukiman, tetapi peranan parti-parti politik lebih menonjol sehingga Kabinet itu ditumbangkan dengan mudah. Sukarno berpendapat, faktor yang tidak dapat dinafikan kepada persilihan ganti Kabinet ialah sistem Demokrasi Liberal yang menyebabkan ada banyak parti dan di antara parti-parti ini yang terkuat ialah Masjumi dan PNI. Pemerintahan yang stabil hanya dapat diberikan oleh Masjumi dan PNI namun di antara kedua-dua parti ini tidak ada sefahaman dalam banyak isu seperti masalah Irian Barat, dasar luar negeri, masalah ekonomi dan banyak lagi.

Perkara yang sangat menyedihkan ialah di dalam parti utama ini sendiri ada kelompok-kelompok yang saling tidak bersefahaman. Contohnya, dalam Parti Masjumi terdapat kelompok M.Natsir dan kelompok Sukiman; manakala dalam PNI pula ada kelompok Mr.Sartono dan kelompok Mr.Sujono Hadinoto. Keadaan yang begitu rumit ini selalu membawa masalah untuk membentuk satu Kabinet yang stabil<sup>37</sup>. Kegagalan kedua-dua Kabinet ini telah memburukkan lagi masalah ekonomi, masalah dalam tentera dan juga masalah keamanan. Selepas Kabinet Sukiman tumbang, Wilopo telah diberi kepercayaan untuk membentuk Kabinet seterusnya. Mungkinkah Kabinet Wilopo dapat menyelesaikan semua masalah yang dihadapi negara pada masa itu.?

### **Kabinet Wilopo(Kabinet Harapan)**

Kabinet Wilopo juga merupakan Kabinet kerjasama antara Masjumi dan PNI.<sup>38</sup> Pada mulanya, Kabinet ini mendapat sokongan kuat dari semua ahli parlimen. Kegagalan dua Kabinet sebelum ini menjayakan program yang ditetapkan menyebabkan masalah

---

<sup>37</sup>Miriam S.Budiarjo, Evolution Toward Parliamentary Government in Indonesia, hlm.121.

<sup>38</sup>Mr.Wilopo menjadi Perdana Menteri dari Parti PNI. Tempoh pemerintahan beliau ialah 3 April 1952 hingga 1 August 1953. Lihat Presidential Decree 85/1952(1 April 1952) Demissionary from June 3,1953.

ekonomi yang serius. Harga barang-barang eksport Indonesia dan barangan tempatan terus meningkat. Defisit negara turut meningkat dan Kabinet Wilopo telah mengambil tindakan tegas untuk mengawal difisit. Walaupun bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah ekonomi tetapi Kabinet Wilopo ini tetap dengan pendirian untuk menaikkan gaji pegawai kerajaan negeri sebanyak 20%.

Masalah yang lain ialah hasil tanaman yang menurun sehingga perlu pertukaran wang asing yang banyak untuk mengimport beras. Wilopo bertindak untuk meningkatkan eksport barangan Indonesia dengan menghapuskan sistem sijil( Certificate) yang diperkenalkan oleh Hatta. Langkah-langkah juga turut diambil untuk mengawas import barang dari luar negeri dengan mewajibkan pihak yang import barang itu membayar wang pendahuluan sebanyak 40%.<sup>39</sup>

Dalam usaha ini Kabinet Wilopo juga menghadapi masalah yang sama seperti Kabinet-kabinet yang sebelumnya. Antara masalah utama yang timbul ialah masalah antara daerah dan gerakan separatisme. Rasa tidak puas hati terhadap kerajaan pusat ini timbul kerana dikatakan pembahagian peruntukan tidak sama diantara Jawa dengan Pulau luar Jawa. Golongan ini percaya sumbangan daerah mereka lebih banyak berbanding apa yang mereka dapat dari kerajaan pusat. Mereka juga menuntut otonomi daerah yang lebih luas. Golongan separatis menggunakan alasan ini untuk menentang kerajaan pusat.<sup>40</sup>

Hasil dari separatisme ini wujud pula perkumpulan-perkumpulan yang berlandaskan semangat kedaerahan seperti Paguyuban Daya Sunda di Bandung dan

---

<sup>39</sup>Harian Rakjat, 26 March, 1952.

<sup>40</sup>Sebab-sebab berlakunya keadaan seperti itu sehingga timbul penentangan terhadap kerajaan pusat akan dibincangkan secara detail dalam bab 5. Lihat bab 5 dibawah tajuk kecil " Pulau Jawa dan Pulau luar Jawa".

Gerakan Pemuda Federal Republik Indonesia di Makassar<sup>41</sup>. Kesannya, timbul soal kedaerahan dan kesukuan yang menggugat kesatuan Indonesia. Tindakan kumpulan ini sangat membahayakan negara kesatuan yang sudah didirikan ini. Dalam keadaan rumit ini timbul pula satu lagi masalah yang mengoyahkan Kabinet Wilopo iaitu peristiwa 17 Oktober 1952.

Peristiwa 17 Oktober 1952 ialah satu peristiwa yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin tentera terhadap sistem Parlimen dan mereka meminta parlimen dibubarkan. Peristiwa 17 Oktober 1952 ini telah menggugat kedudukan Kabinet Wilopo namun yang membawa kejatuhan kepada ini ialah peristiwa Tanjung Morawa.<sup>42</sup> Peristiwa ini terjadi kerana Kabinet Wilopo, sesuai dengan apa yang diputuskan dalam persetujuan KMB, membenarkan pengusaha asing kembali mengusahakan tanah-tanah perkebunan. Pada tahun 1951, Kabinet Wilopo bersetuju untuk mengembalikan tanah Deli Planters Vereeniging (DPV)<sup>43</sup> yang sudah lama ditinggalkan dan sementara waktu ia diusahakan oleh petani Sumatera Utara yang terdiri daripada bangsa Indonesia dan keturunan Cina.<sup>44</sup> Kabinet Wilopo dengan kekerasan mengusir penduduk tanah liar dari tanah diusahakannya yang sejak lama ditinggalkan oleh pengusaha asing.

Tindakan Kabinet Wilopo yang menghalau semua pendatang haram dari tanah perkebunan dan mahu mengembalikan tanah perkebunan ini kepada tuan asal iaitu pengusaha asing. Namun PKI telah menghasut rakyat Sumatera Timur agar tidak menyetujui tindakan Kabinet Wilopo. Kabinet Wilopo bertindak tegas dan beberapa

---

<sup>41</sup> Antara, April 7.

<sup>42</sup> Peristiwa ini terjadi kerana Kabinet Wilopo, sesuai dengan persetujuan KMB membenarkan pengusaha asing kembali mengusahakan tanah perkebunan. Tindakan PKI yang menghasut rakyat telah memburukkan lagi masalah ini. Lihat Antara, 17 Maret 1953.

<sup>43</sup> DPV adalah tanaman Tembakau yang penting yang mempunyai keluasan 255,000 hektar. P

<sup>44</sup> Lihat Karl J. Pelzer, "The Agrarian Conflict in East Sumatera", Pacific Affairs, XXX, no.3, June 1957, hlm.151-159.

orang pekebun mati dalam tindakan kerajaan.<sup>45</sup> Tindakan ini mendapat tentangan dari Parlimen. Akhirnya sokongan keatas Kabinet ini ditarik balik dan ini menyebabkan Kabinet ini tumbang. Harapan untuk melihat satu pemerintahan yang stabil dibawah Kabinet ini juga tidak tercapai. Sukarno telah menyerahkan kuasa membentuk Kabinet kepada Ali Sastroadmijoyo.

### **Analisis Kabinet Wilopo**

Dalam Perjanjian Meja Bundar di antara Indonesia dengan Belanda, diplomat Indonesia telah bersetuju untuk membenarkan pengusaha asing kembali mengusahakan tanah-tanah perkebunan. Usaha dan persetujuan ini sudah dibuat semasa Kabinet Sukiman dan Kabinet Wilopo cuba melaksanakan usaha ini. Sebenarnya kebanyakan pengusaha perkebunan asing ini telah meninggalkan ladang mereka dan melarikan diri ke luar negeri kerana masalah keselamatan. Tanah yang ditinggalkan itu telah diambil-alih oleh petani Sumatera Utara buat sementara waktu. Kabinet Wilopo telah mengambil tindakan untuk membawa balik pengusaha asing dan mengembalikan tanah kepada mereka. Tindakan ini walaupun berniat baik tetapi parti-parti politik, seperti biasa telah memperalatkan masalah untuk menjatuhkan Kabinet Wilopo. Selepas Kabinet Wilopo, usaha pembentukan Kabinet diserahkan kepada Ali Sastroadmijoyo.

### **Penilaian keatas ketiga-tiga Kabinet**

Ketiga-tiga Kabinet ini iaitu Kabinet Natsir, Kabinet Sukiman dan Kabinet Wilopo telah mengekalkan dasar-dasar yang dibuat oleh Kabinet Hatta. Antara dasar utama yang dikekalkan oleh ketiga-tiga kabinet ini ialah dasar penyatuan negara. Dasar

---

<sup>45</sup>Lihat Harian Rakjat, 17 March 1953.

ini sangat dipentingkan kerana pada masa itu berlaku gerakan pemberontakan yang mengugat kesatuan Indonesia.<sup>46</sup> Selain itu, aspek kesatuan dan masalah ekonomi juga turut dititikberatkan supaya keadaan inflasi tidak menjadi bertambah teruk.<sup>47</sup> Dasar yang memberi keistimewaan kepada penduduk Indonesia atau dasar "Indonesianization" juga diambil berat supaya ia tidak menjejaskan ahli perniagaan berbangsa Cina dan Belanda, serta dasar luar negeri yang lebih sederhana dititikberatkan. Sejarawan Herbert Feith, berpendapat ketiga-tiga Kabinet ini berjaya menjalankan tugas dengan baik berbanding dengan Kabinet-kabinet selepasnya.<sup>48</sup>

Kabinet-kabinet ini juga sama seperti zaman Revolusi selalu bersilih ganti kerana ideologi politik parti masing-masing. Contohnya, Kabinet Natsir dibentuk atas kerjasama di antara PNI dan Masjumi. Kemudian, Kabinet Sukiman dan Kabinet Wilopo juga hasil daripada kerjasama di antara kedua-dua parti.<sup>49</sup> Pembentukan pemerintahan kerjasama membawa banyak masalah dalaman dalam parti politik itu. Keadaan ini juga menyebabkan persaingan antara parti politik sehingga terpaksa membuang masa yang lama dalam masalah yang remeh-temeh. Sukarno sangat bimbang dengan persaingan seperti ini kerana ia akan mengganggu persatuan Nasional. Selepas Kabinet Wilopo tumbang ia diganti dengan satu lagi Kabinet baru yang diterajui oleh Ali Sastroamidjojo.

### **Kabinet Ali Sastroamidjojo I**

---

<sup>46</sup>Ibid.

<sup>47</sup>J.D.Legge, *Sukarno: A Political Biography*, hlm.282.

<sup>48</sup>Herbert Feith, "Indonesia" dalam G.M.Kahin, *Government and Politics*, hlm.205.

<sup>49</sup>Lihat *Persidential Decree*, Unitary Republic of Indonesia--9/1950(September 6, 1950):Demissionary from March 21, 1951.

Kabinet Ali Sastroamidjojo I juga merupakan Kabinet kerjasama antara parti tetapi kali ini Masjumi tidak turut serta tetapi NU menyertai Kabinet ini. Penyertaan NU ini juga dianggap kemunculan satu kuasa baru dalam politik Indonesia. Sehingga kini sudah ada 3 Kabinet tetapi sistem Demokrasi Liberal ini tidak membawa banyak perubahan. Tiga Kabinet sebelum ini tidak begitu berjaya menyelesaikan masalah negara Indonesia pada masa itu. Kabinet Ali terpaksa menghadapi masalah yang lebih serius dalam negeri dan luar negeri seperti masalah ekonomi<sup>50</sup>, masalah keamanan di daerah-daerah<sup>51</sup>, pilihan raya dan banyak masalah lain. Masalah dalam negeri yang harus mendapat perhatian segera dari Kabinet ini ialah pilihan raya umum 1955. Tarikh pilihan raya umum ditentukan pada 29 September 1955. Penetapan tarikh pilihan raya umum ini menyebabkan semua parti politik memperhebatkan kempen pilihan raya. Kempen pilihan raya ini telah memburukkan lagi situasi politik Indonesia kerana perbezaan fahaman politik antara parti.<sup>52</sup>

Kabinet Ali Sastroamidjojo I, Perdana Menteri yang kedua dari PNI Indonesia<sup>53</sup>. Kabinet ini dapat bertahan lama dalam sejarah pemerintahan Indonesia iaitu selama 2 tahun dan 8 hari (Julai 1953 hingga Julai 1955).<sup>54</sup> Kabinet Ali Sastroamidjojo I lebih tegas dan tidak mengikut dasar-dasar Kabinet yang sebelumnya. Beliau lebih serius dalam dasar "Indonesianization" serta banyak memberi kemudahan istimewa kepada rakyat

---

<sup>50</sup>Kabinet yang bersilih-ganti ini menyebabkan tidak ada kestabilan politik dan ini menyebabkan kemerosotan ekonomi, inflasi dan gangguan dalam pelaksanaan dalam pembangunan. Lihat Benjamin Higgins, *Indonesia's Economy: Stabilization and Development*, New York, 1968, hlm.15-16.

<sup>51</sup>Masalah keamanan daerah yang belum diselesaikan ialah gerakan Darul Islam atau Tentera Islam Indonesia (DI/TII) yang diketuai oleh Kartuswirjo di Jawa Barat, "DI/TII" Daud Beureueh di Aceh dan "DI/TII" Kahar Muzakar di Sulawesi Selatan. Gerakan-gerakan ini bertujuan mahu menubuhkan negara Islam di daerah-daerah tertentu. Masalah ini membawa beberapa masalah dalam negeri. Lihat Herbert Feith, *The Indonesian Elections of 1955*, hlm.353.

<sup>52</sup>Parti politik seperti PNI, Masjumi, PKI, NU,PS, PSI dan parti-parti kecil yang lain turut memperhebatkan kempen politik mereka untuk mendapatkan sokongan rakyat Indonesia.

<sup>53</sup>Perdana Menteri yang pertama dari PNI ialah Wilopo.

<sup>54</sup>Lihat *Presidential Decree 132/1953* ( July 30, 1953): Demissionary on July 24, 1955.



Indonesia sehingga berlaku inflasi serta masalah-masalah yang lebih serius seperti rasuah, dasar anti-barat dan juga perlantikan lebih ramai ahli parti dalam perkhidmatan awam dengan tujuan untuk memenangi pilihan raya umum tahun 1955.<sup>55</sup>

Kabinet Ali Sastroamidjojo I juga tidak bertahan dalam arus politik Indonesia kerana calon yang dipilih untuk mengisi jawatan Ketua Turus Angkatan Tentera tidak diterima oleh pemimpin-pemimpin tentera dan ini menyebabkan Kabinet Ali tumpas selepas usul ini gagal.<sup>56</sup> Para pemimpin tentera berpendapat usaha Ali Sastroamidjojo I ini menunjukkan campurtangan ahli politik dalam urusan tentera dan mereka menentang campurtangan ini<sup>57</sup> dan kesannya Kabinet ini tumbang dan diganti dengan satu lagi Kabinet baru yang diketuai oleh Burhanuddin Harahap dari Masjumi.

#### **Analisis terhadap Kabinet Ali Sastroadmijojo I**

Kabinet Ali Sastroadmijojo I, walaupun merupakan Kabinet yang paling lama namun tidak berjaya mengatasi masalah-masalah dalam negeri yang serius. Dasar "Indonesianization" menyebabkan inflasi yang teruk dan ramai dari pelabur asing telah berhijrah ke luar negeri. Selain itu peristiwa 17 Oktober 1952 telah membawa masalah yang besar kepada Kabinet Ali Sastroadmijojo I. Ali cuba menggunakan kesempatan waktu itu untuk melantik Ketua Tentera yang disokong oleh PNI; namun terdapat penentangan dari pihak tentera yang tidak mahu menerima calon yang hendak dilantik oleh Kabinet Ali. Keadaan ini menyebabkan parti NU menarik kembali sokongan kepada

---

<sup>55</sup>Tindakan Kabinet Ali Sastroamidjojo I ini telah memburukkan lagi situasi politik negara Indonesia. Inflasi yang buruk telah membawa keadaan ekonomi bertambah buruk. Kesemua faktor ini menyebabkan Sukarno menggunakan kesempatan untuk memperkenalkan "Demokrasi Terpimpin" Lihat Herbert Feith, "Indonesia", hlm.207-209.

<sup>56</sup>*Ibid.*

<sup>57</sup>Perbincangan tentang campurtangan ini dibincangkan di bawah tajuk peristiwa 17 Oktober 1952.

PNI dan langkah NU diikuti oleh parti-parti lain. Ini menyebabkan pembentukan Kabinet seterusnya jatuh ke tangan Burhanuddin Harahap.

### **Kabinet Burhanuddin Harahap**

Kabinet Harahap dibentuk tanpa sokongan PNI. Kabinet Harahap mengambil langkah-langkah tegas dan salah satu tindakannya ialah penangkapan Djody Gondo bekas Menteri Kehakiman atas tuduhan Rasuah.<sup>58</sup> Tindakan seperti ini juga diteruskan terhadap pemimpin-pemimpin lain. Selain itu, ada desakan terhadap Kabinet Harahap supaya diadakan pilihan raya umum secepat mungkin, walaupun tarikh yang ditetapkan oleh Panitia Pemilihan Umum Pusat ialah 29 September 1955. Ada pihak yang tertentu mahu pilihan raya ini ditunda kerana menganggap persiapan belum selesai dan ada yang menuntut pilihan raya diadakan pada tarikh yang ditetapkan. Akhirnya pilihan raya diadakan pada tarikh yang ditentukan. Ini adalah satu fasa terpenting dalam sejarah Indonesia.

Rakyat menganggap pilihan raya ini akan membawa kestabilan politik kepada Indonesia dan sekaligus menyelesaikan masalah dalaman negara yang belum diselesaikan. Apakah Demokrasi Liberal dapat dipertahankan di Indonesia? Nampaknya semua ini menjadi impian kerana pilihan raya umum memburukkan lagi keadaan Indonesia.

### **Analisis terhadap Kabinet Harahap**

---

<sup>58</sup> Menjadi Menteri Kehakiman dalam Kabinet Ali Sastrodarmasuro I.

Kabinet Harahap dianggap sebagai Kabinet sementara dan hanya dipertanggungjawabkan sehingga pilihan raya umum 1955. Selepas pilihan raya umum ada desakan agar dibentuk Kabinet baru. Tindakan Harahap yang menukarkan pegawai-pegawai dari satu Kementerian kepada Kementerian lain menyebabkan timbul masalah dalam semua Kementerian<sup>59</sup> 'Walau bagaimanapun Kabinet Harahap ini berjaya mengimbangi dan menstabilkan ekonomi pada masa itu kerana kenaikan harga barangan eksport seperti kopi, teh, tembakau dan lain-lain lagi. Masalah yang disebutkan tadi menyebabkan Kabinet Harahap jatuh dan diganti dengan Kabinet Ali Sastroadmijoyo II.

### **Kabinet Ali Sastroadmijoyo II**

Kabinet Ali Sastroadmijoyo II ini penting kerana ia dibentuk dengan sokongan 3 buah parti utama PNI, Masjumi dan NU, di samping parti-parti kecil yang lain. Antara program politik Kabinet Ali II ialah pemberian hak otonomi bagi daerah, memperbaiki taraf hidup kaum buruh dan pegawai dan memberikan kepentingan kepada rakyat Indonesia dalam dasar ekonomi negara. Kabinet Ali Sastroadmijoyo II dari March 1956 hingga 1957, mengambil-alih pemerintahan dan tidak bertahan lama. Kejatuhan Kabinet Ali II ini secara tidak langsung menamatkan sistem Parlimen di Indonesia:

*" The fall of the Ali Sastroamidjojo Cabinet in March 1957 marked the end of parliamentary government in Indonesia"*<sup>60</sup>

Kabinet Ali Sastroadmijoyo II ini juga tidak bertahan lama kerana tidak mempunyai majoriti yang banyak dan masih membentuk kerajaan seperti dahulu iaitu bergantung kepada sokongan parti lain untuk membentuk kerajaan. Keadaan ini

---

<sup>59</sup>Harapan rakyat yang begitu tinggi untuk melihat satu Kabinet yang kukuh tidak menjadi kenyataan selepas pilihan raya umum 1955.

<sup>60</sup>Daniel S Lev, *The Transition to Guided Democracy: Indonesian Politics, 1957-1959*, Modern Indonesian Project Southeast Asia Program, Department of Asian Studies, Cornell University Ithaca, New York, 1966, hlm.11.

menyebabkan Kabinet ini tidak dapat melakukan sesuatu yang bermanfaat kepada rakyat Indonesia. Kabinet yang terakhir dalam masa Demokrasi Liberal ialah Djuanda Kartawidjaja yang tidak mewakili mana-mana parti.<sup>61</sup> Kabinet Djuanda juga tidak bertahan lama. Rata-rata Kabinet yang ditubuhkan dalam zaman Demokrasi Liberal ini hanya bertahan untuk satu tahun sahaja.

Selain masalah persaingan parti politik, masalah dalaman parti, timbul pula konflik antara Presiden dengan wakil Presiden iaitu Sukarno dengan Hatta. Contohnya, Kabinet yang menggantikan kerajaan Wilopo ialah gabungan PNI, NU, Parti-parti Nasionalis Islam dan mendapat sokongan dari golongan Komunis. Kabinet ini mendapat restu dari Presiden Sukarno manakala Wakil Presiden Hatta pula menyokong parti Pembangkang iaitu Masjumi dan Sosialis.<sup>62</sup> Perbezaan pendapat antara Sukarno dan Hatta memang sudah wujud sejak sebelum zaman Revolusi lagi. Contohnya berlaku polemik antara kedua-dua tokoh ini tentang isu kerjasama semasa zaman penjajahan Belanda.<sup>63</sup>

Kemudian perbezaan pendapat di antara kedua-dua tokoh juga boleh dilihat selepas zaman pendudukan Jepun sehingga Sukarno berpendapat kerjasama Dwi-Tunggal sudah berakhir.<sup>64</sup> Kemuncak kepada semua perbezaan pendapat di antara kedua-dua

---

<sup>61</sup>Herbert Feith, "Indonesia", hlm.210.

<sup>62</sup>Lihat Ibid, hlm.206, dan Harold Crouch, The Army and Politics in Indonesia, Cornell University Press, 1978, hlm.43-68. Lihat juga Nazaruddin Sjamsudin, PNI dan Kepolitikannya, Penerbit Rajawali, 1984, hlm.1-46.

<sup>63</sup>Polimik ini berlaku pada tahun 1933 dan ia pernah disiarkan dalam majalah 'Fikiran Ra'jat'. Polimik ini berlaku selepas Hatta menulis isu "Cooperator" dalam majalah 'Pers' dan Sukarno pula membalas jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Hatta. Untuk keterangan lanjut lihat Ir. Sukarno, "Djawab saja pada saudara Mohammad Hatta" dalam Dibawah Bendera Revolusi, jilid 1, hlm.207.

<sup>64</sup>Hatta yang selama zaman pendudukan Jepun telah mendampingi Sukarno dan bila sudah mengetahui kemerdekaan akan diisytiharkan maka kembali kepada idea asal beliau iaitu Negara Syarikat (United States of Indonesia) dan tidak setuju dengan pendapat Sukarno tentang Negara Kesatuan. Mengikut Sukarno tujuan Hatta yang mahukan negara kesatuan ialah supaya beliau dapat memiliki beberapa negara dan seperti yang diketahui beliau berasal dari wilayah Sumatera. Sukarno sedar bahawa inilah tahap terakhir dalam kerjasama Dwi-Tunggal dan tidak mungkin dua tokoh berada dalam satu barisan. Lihat Cindy Adams, Terj., Abdul Bar Salim, Bung Karno: Penjambung Lidah rakyat Indonesia, Gunung Agung, Djakarta, 1966, hlm.298.

tokoh ini berakhir dengan perletakan jawatan oleh Hatta sebagai Wakil Presiden pada Disember 1956.<sup>65</sup> Situasi ini menimbulkan lebih banyak masalah kepada konsep penyatuan Indonesia dan secara tidak langsung mendedahkan kegagalan Demokrasi Liberal serta masalah dalaman parti-parti politik. Pilihan raya umum 1955 yang dinantikan untuk mengatasi semua masalah dalaman parti juga tidak membawa harapan seperti yang diharapkan tetapi membawa kepada satu keadaan yang memburukkan lagi.

### **Pilihan raya 1955**

Pilihan raya umum pertama diadakan pada 29 September 1955 dan harapan rakyat untuk melihat satu kerajaan yang stabil tidak tercapai. Pilihan raya ini boleh dikatakan telah memburukkan lagi usaha untuk berkerjasama dalam konsep Demokrasi Liberal. Cara kempen pilihan raya yang mengkritik dan mendedahkan kelemahan satu sama lain telah membawa perpecahan yang mendalam di antara satu parti dengan parti yang lain.<sup>66</sup> Hasil pilihan raya ini membolehkan empat parti utama iaitu PNI, Masjumi, NU dan PKI memenangi 78% jumlah keseluruhan undi.<sup>67</sup> Permainan politik untuk kepentingan individu masih berterusan selepas pilihan raya umum.

---

<sup>65</sup>Kejatuhan Kabinet Ali yang kedua, masalah rampasan kuasa wilayah Sumatera, krisis dalam tentera serta perletakan jawatan oleh Hatta telah membawa masalah yang sangat besar kepada republik Indonesia. Cara kerajaan mengambil tindakan terhadap krisis wilayah menjadi alasan utama Hatta untuk letak jawatan sebagai wakil Presiden. Kebanyakan pemimpin pulau-pulau luar (selain Jawa) telah menggunakan kesempatan ini untuk menyemarakkan semangat anti-Jawa. Pada masa yang sama Hatta menjadi 'symbol not of unity but of dissension'. Lihat Daniel S. Lev, The Transition to Guided Democracy, hlm.13.

<sup>66</sup>Lihat Ucapan Pidato Presiden Republik Indonesia pada Hari Ulang -Tahun Proklamasi Kemerdekaan Jang Ke-XII 17 Augustus 1957.

<sup>67</sup>PNI mendapat 22.3% undi dan jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi ialah 42, diikuti oleh parti Masjumi, dengan 20.9% undi dan kerusi parlimen ialah 44, Nahdatul Ulama 18.4% dan kerusi Parlimen ialah 8 dan yang terakhir sekali ialah PKI 16.4% dan kerusi Parlimen ialah 17. Untuk keterangan yang lanjut Lihat Herbert Feith, The Indonesian Elections of 1955, hlm.58.

Semua parti yang ingin menguasai pemerintahan negara terpaksa mendapat sokongan parti lain dan di sini sekali lagi timbul masalah yang sama seperti sebelum pilihan raya umum. Masyarakat Indonesia bosan dengan cara ini yang menyebabkan berlaku ketidakstabilan politik.<sup>68</sup> Presiden Sukarno yang melihat semua gelagat ini menunggu masa yang sesuai untuk memperkenalkan Demokrasi ciptaan beliau iaitu "Demokrasi Terpimpin". Kita boleh melihat bagaimana berlakunya perpecahan ini di dalam analisis berikut.

### **Analisis Pilihan raya umum 1955**

Keputusan pilihan raya ini jelas menunjukkan jumlah undi yang diperolehi oleh parti yang berteraskan agama Islam ialah 39.3% manakala parti yang tidak berteraskan Islam pula mendapat jumlah undi sebanyak 38.7%. Ini jelas menunjukkan kedua kumpulan ini mempunyai kekuatan yang lebih kurang sama. Perkara yang menghairkannya ialah kemunculan PKI dalam kedudukan utama bersama-sama parti lain.<sup>69</sup> Mungkin rakyat mengharapkan satu kerajaan yang dapat memberi kestabilan politik.

Jika kita lihat sokongan rakyat terhadap parti-parti PNI, NU dan PKI; ketiga-tiga parti mendapat sokongan kuat dari masyarakat Jawa sama ada Jawa Timur atau Jawa Tengah. Masjumi pula mendapat sokongan dari masyarakat Jawa Barat dan masyarakat dari pulau-pulau luar Jawa. Sokongan masyarakat terhadap Masjumi khususnya dipulau-

---

<sup>68</sup>Ibid. dan Lihat juga Pidato Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1956, Djum'at djam 8.15 pagi di Istana Merdeka, Djakarta, Ibid. 58.

<sup>69</sup>Ibid.

pulau luar Jawa menunjukkan persaingan politik terhadap masyarakat di Jawa.<sup>70</sup> Pilihan raya ini jelas telah meningkatkan persaingan antara satu parti dengan parti yang lain, kumpulan berteraskan Islam dengan yang tidak berteraskan Islam dan yang terakhir sekali antara masyarakat Jawa dengan masyarakat dipulau-pulau luar Jawa. Keadaan ini telah membawa masalah perpecahan yang lebih dahsyat kemudiannya. Selain ini golongan tentera juga menimbulkan beberapa masalah dalam zaman Demokrasi Liberal. Antara yang penting ialah peristiwa 17 Oktober 1952.

### **Peristiwa 17 Oktober 1952.**

Selain masalah dari parti-parti politik, masalah juga turut timbul dari golongan tentera. Peristiwa 17 Oktober 1952<sup>71</sup> ini timbul kerana ahli Parlimen cuba mempolitikkan masalah dalaman angkatan tentera. Surat yang dikirimkan oleh Kolonel Bambang Supeno menjadi isu hangat sehingga ahli parlimen mengusulkan usul hilang kepercayaan terhadap pemerintah pada masa itu. Kebanyakan anggota tentera berpendapat bahawa pemerintah cuba campurtangan dalam masalah dalaman tentera dengan tujuan politik. Akhirnya diadakan demonstrasi yang menuntut supaya Presiden Sukarno membubarkan Parlimen dan peristiwa inilah dikenali sebagai peristiwa 17 Oktober 1952. Namun

---

<sup>70</sup>Lihat Herbert Feith, The Wilopo Cabinet, 1952-1953: A Turning Point in Post-Revolutionary Indonesia, Ithaca, New York, 1958, hlm.103. Lihat juga J.D.Legge, Sukarno: A Political Biography, hlm.307.

<sup>71</sup>Para pemimpin tentera benci terhadap campurtangan Parlimen terhadap hal-ehwal mereka. Ahli Parlimen juga tidak begitu puas hati tentang kuasa yang dimiliki oleh tentera sehingga ia melebihi kekuasaan Parlimen. Jadi pada 17 Oktober 1952 beberapa buah kereta kebal bergerak kearah Istana dan sekumpulan pegawai tentera termasuk Mejar Jeneral Simatupang dan Kolonel Nasution mendesak agar memansuhkan sistem Parlimen. Seperti yang diketahui, Sukarno memang tidak setuju dengan sistem Parlimen Demokrasi Liberal namun beliau sedar jika bersetuju dengan permintaan tentera pastinya ia akan membawa masalah yang lebih rumit kepada Indonesia di masa akan datang. Lihat Herbert Feith, The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia, hlm.246.

Presiden menolak tuntutan ini dengan alasan demonstrasi ini dilakukan oleh masyarakat Jakarta sahaja bukan seluruh rakyat Indonesia.<sup>72</sup>

Kabinet Ali Sastroamidojo I cuba mengeksploitasi persetujuan antara tentera dalam peristiwa 17 Oktober 1952 dan ini menyebabkan pihak tentera tidak puas hati terhadap Kabinet ini. Kekuatan tentera mula menyerlah apabila Kabinet Ali ditumbangkan kerana perselisihan faham tentang calon yang dikemukakan oleh Kabinet Ali untuk jawatan ketua tentera.<sup>73</sup> Peristiwa 17 Oktober 1952 ini telah menyedarkan Presiden tentang kekuatan tentera. Sukarno, sebagai langkah susulan untuk menguatkan kedudukan diri sebagai Presiden telah melantik Kolonel Nasution sebagai Ketua Angkatan Darat. Perlantikan ini juga memberikan kekuatan seimbang kepada Sukarno kerana beliau berjaya menggunakan perlembagaan negara untuk mendapatkan sokongan dari Parlimen.<sup>74</sup> Pada akhir tahun 1956, situasi tanah air Indonesia ditandai dengan pelbagai macam ketidakstabilan politik seperti masalah dalam angkatan tentera dan juga pergolakan daerah yang diketuai oleh gerakan seperatis. Semua ini telah membawa satu keadaan yang tidak terkawal dan Demokrasi Liberal seolah-olah tidak berkesan di Indonesia.

### **Gerakan Seperatis**

Beberapa orang panglima tentera yang tidak puas hati telah melakukan pemberontakan dengan membentuk gerakan seperatis di daerah-daerah luar dari Pulau Jawa. Tujuan gerakan-gerakan ini berlatarbelangkan politik. Mereka cuba memecahkan

---

<sup>72</sup> Lihat 40 Tahun Angkatan Bersenjata Republik Indonesia, Markas Besar Angkatan Bersenjata Republik Indonesia, Pusat Sejarah dan Tradisi ABRI, 1985, hlm.202.

<sup>73</sup> Herbert Feith, "Indonesia" hlm.210.

<sup>74</sup> Herbert Feith, The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia, hlm.440.



kesatuan Indonesia dengan jalan mengingkari kedaulatan pemerintah pusat terhadap daerah-daerahnya.<sup>75</sup> Pemberontakan terbuka di Sumatera Barat dan di Sulawesi Utara menunjukkan kegagalan Demokrasi Liberal serta menunjukkan kewujudan satu lagi kuasaimbangan baru. Peristiwa kemuncak ialah rampasan kuasa yang berlaku pada Disember 1956 di tiga buah wilayah di Sumatera iaitu Sumatera Utara, Sumatera Tengah dan Sumatera Selatan. Pada tahun 1957 peristiwa rampasan kuasa merebak ke kawasan lain iaitu Indonesia Timur meliputi kawasan seperti Sulawesi, Maluku dan kepulauan Sunda.<sup>76</sup> Keadaan ini jelas membawa masalah yang besar kepada konsep penyatuan negara Indonesia.

Walau bagaimanapun peranan tentera darat yang berjaya mematahkan pemberontakan ini mendapat sanjungan tinggi dari rakyat. Tentera menjadi penimbangtara politik dalam negeri. Pada masa yang sama pengaruh parti politik dan pemimpin-pemimpin parti mula merosot. Faktor ini membawa kepada ketidakberkesanan perlembagaan. Pada pendapat Sukarno pergolakan-pergolakan ini adalah akibat dari gagalnya Demokrasi Liberal dan untuk mengatasi masalah beliau memperkenalkan gagasan Presiden.

### **Gagasan Presiden**

Melihat peristiwa-peristiwa ini Presiden Sukarno yang memang arif dalam samudera politik menggunakan kesempatan ini untuk mendedahkan keburukan Demokrasi Liberal. Beliau kemukakan idea Demokrasi yang lebih sesuai dengan

---

<sup>75</sup>Satyavati S.Jhaveri, *The Presidency in Indonesia: Dilemma of Democracy*, Popular Prakashan Private Limited, Bombay, 1975, hlm.202-203.

<sup>76</sup>Herbert Feith, "*Indonesia*", hlm.208.

keperibadian Indonesia iaitu 'Demokrasi Terpimpin' Beliau meminta agar Majlis Permesyuaratan Rakyat(MPR) 1955 kembali kepada Undang-undang 45. Undang-Undang 45 adalah satu wadah yang lengkap kepada seorang Presiden yang kuat. Namun demikian usaha beliau gagal mendapat persetujuan MPR, sekali lagi Presiden Sukarno bertindak sendiri.<sup>77</sup> Hasrat beliau ini dijelaskan kepada rakyat dalam Pidato tahunan beliau seperti berikut:

*"Tinjau kembali sistim itu, dan menggantinya dengan satu sistim yang lebih sesuai dengan keperibadian bangsa kita, lebih sesuai kegotong-rojongan bangsa kita, lebih memberi pimpinan atau management kearah tujuan yang satu itu, yaitu masyarakat keadilan sosial. Berilah bangsa kita satu demokrasi yang tidak liar. Berilah bangsa kita satu demokrasi yang tidak djegal-djagalan. Berilah bangsa kita satu demokrasi, "met leiderschap" kearah keadilan sosial. Berilah bangsa kita satu demokrasi yang terpimpin. Sebab demokrasi yang membiarkan seribu matjam tudjuan bagi golongan atau perseorangan, akan menenggelamkan kepentingan Nasional dalam arusnja malapetaka"*<sup>78</sup>

Untuk mengatasi kegagalan mendapat persetujuan dari MPR, Presiden Sukarno mengusulkan suatu gagasan. Gagasan Presiden Sukarno ini dirahsiakan tanpa pengetahuan Kabinet. Presiden Sukarno meskipun formalnya adalah Presiden perlembagaan, bertindak selaku pemimpin rakyat yang prihatin kerana kekacuan politik yang memuncak. Baginya ini sangat membahayakan keutuhan bangsa dan negara.<sup>79</sup> Sukarno berpendapat ketidakstabilan politik ini adalah kerana ketidaksesuaian Demokrasi Liberal ala-barat tambahan pula pada masa itu juga berlaku perpecahan antara daerah yang begitu meruncing. Jika tidak ada tindakan serta-merta maka ia boleh mengakibatkan perpecahan dalam kesatuan Indonesia.<sup>80</sup>

<sup>77</sup>Satyavti S.Jhaveri, The Presidency in Indonesia, hlm.59.

<sup>78</sup>Pidato Presiden Republik Indonesia pada Tanggal 17 Augustus 1957 yang bertajuk " Suatu Tahun Ketentuan", Djum'at djam 8.35 pagi di Istana Merdeka Djakarta.

<sup>79</sup>Lihat Herbert Feith, The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia, hlm.538-539.

<sup>80</sup>Pidato Presiden, Tanggal 17 Augustus 1957.

## Analisis Pemikiran Sukarno

Kita boleh lihat dari awal penubuhan PNI sehingga pengenalan Demokrasi Terpimpin, Sukarno sentiasa mementingkan kesatuan Indonesia sebagai satu negara yang Merdeka serta cara Demokrasi yang lebih kepada keperibadian Indonesia. Kenyataan beliau selepas mengambil sumpah sebagai Presiden seperti dibawah jelas menunjukkan hasratnya:

*" Speaking at the time of his installation as president of the Republic of the United States of Indonesia, argued that what needed was "Eastern Democracy... Indonesian Democracy... a Democracy with leadership" <sup>81</sup>*

Apakah faktor yang merintis kepada pengenalan sistem Demokrasi Terpimpin? Kita boleh lihat Sukarno tidak begitu setuju dengan sistem parti dalam politik Indonesia.

Kenyataan berikut jelas menggambarkan pandangan beliau tentang parti politik:

*" On the matter of parties... I am not responsible. I wash my hands of all wrong, because it wasn't I who ordered the existence of parties. Not I. In November 1945, a decree was issued to establish parties. Thank God, it wasn't Sukarno who signed that decree" <sup>82</sup>*

Nyata, semua masalah dalaman negara telah memberikan kelebihan kepada Sukarno untuk memperkenalkan Demokrasi Terpimpin. Pada tahun 1957 beliau memperkenalkan gagasan yang kemudian terkenal sebagai Kabinet gotong-royong dan Dewan yang dinamakan Dewan Nasional dibawah pimpinannya. Sukarno juga memberikan kedudukan utama kepada golongan tentera dalam Parlimen. Akhirnya "Demokrasi Terpimpin" diperkenalkan oleh Presiden menggantikan Perlembagaan negara. <sup>83</sup>

---

<sup>81</sup> Amanat Presiden Pertama, Republik Indonesia Serikat, Kementerian Penerangan, 1949, hlm.7.

<sup>82</sup> Dalam Dikri ini kerajaan membenarkan penubuhan parti-parti politik sebelum tahu 1946. Untuk Dikri lihat 3 November 1945, lihat Koesnodiprodjo, Himpunan Undang-undang, Peraturan-peraturan, Pemerintah Republik Indonesia, Vol.1945, hlm.76.

<sup>83</sup> Ibid.

## Demokrasi Terpimpin

Pada 21 Februari 1957, di hadapan pemimpin parti dan tokoh masyarakat di Jakarta, Sukarno mengemukakan gagasan beliau serta Kabinet yang dinamakan Kabinet "Gotong-royong" dan Dewan Nasional di bawah pimpinannya.<sup>84</sup> Antara intipati Demokrasi Terpimpin ialah:

1. Sistem Demokrasi Parlimen secara Barat tidak sesuai dengan keperibadian Indonesia, oleh kerana itu harus diganti dengan sistem Demokrasi Terpimpin.
2. Untuk melaksanakan sistem Demokrasi Terpimpin perlu dibentuk suatu Kabinet Gotong-royong yang anggota-anggotanya terdiri dari semua parti dan organisasi berdasarkan perimbangan kekuatan yang ada dalam masyarakat. Konsepsi Presiden ini mengetengahkan pula perlunya pembentukan empat parti besar iaitu PNI, Masjumi, NU dan PKI.
3. Pembentukan Dewan Nasional yang terdiri dari golongan fungsional dalam masyarakat. Dewan Nasional ini tugas utamanya adalah memberi nasihat kepada Kabinet.
- 4.

## Tindakan tegas

Selain itu Sukarno juga mengambil tindakan-tindakan lain untuk mengukuhkan kedudukan beliau. Semua pihak tidak dibenarkan mengkritik dasar kerajaan atau menentang dasar kerajaan. Semua media dikawal agar tidak ada penentangan terhadap kerajaan.<sup>85</sup> Pada tahun 1959 Sukarno dan Kabinetnya mendapat usul dari pihak tentera

---

<sup>84</sup>Yahya A.Muhaimin, Perkembangan Militer dalam Politik Indonesia 1945-1966, Gadjah Mada University Press, 1982, hlm.53.

<sup>85</sup>Lihat Pos Indonesia, 29 September dan 2 oktober 1958.

tentang pengimplementasian perlembagaan 1945 yang diganti pada tahun 1949. Dalam Pidato pada 22 April 1959, Presiden Sukarno mengisytiharkan bahawa perubahan dibuat dari sistem perlembagaan kepada sistem Presidential. Sukarno sendiri menjadi Presiden dan juga Perdana Menteri manakala Ketua Tentera Nasution menjadi Menteri Keselamatan dan Hal-ehwal Negeri. Walaupun sistem perlembagaan dijanjikan namun dalam praktiknya ia sudah jauh tersimpang dari perlembagaan 1945.

Majlis Pembangunan didirikan untuk melaksanakan idea sosialisme kepada negara Indonesia. Kerajaan negeri diberi kuasa autokratik dan dasar-dasar dijalankan melalui dasar konsep "Gotong-royong". Semua parti menyokong dasar kerajaan dibawah satu Barisan. Parti-parti dianggap boleh menggugat kedudukan kerajaan diharamkan. Antara parti yang diharamkan ialah Masjumi dan pemimpin yang menentang dasar kerajaan dengan lantang ditahan. Semua jenis media dikawal dengan rapi dan ideologi negara iaitu Pancasila dipentingkan.

### **Penilaian Demokrasi Terpimpin.**

Sebenarnya Demokrasi Terpimpin memberi kuasa yang tidak terhad kepada Presiden. Beliau mempunyai kata putus dalam segala hal. Idea Gotong -royong yang dipopularkan itu hanya satu dakyah politik .Semua jawatan kerajaan perlu mendapat persetujuan dari Presiden. Dalam sistem Demokrasi Terpimpin ini nyata Presiden begitu selesa sekali. Walaupun Presiden mempunyai kuasa yang tidak terhad tetapi dalam aspek yang melibatkan tentera beliau terpaksa berunding dengan pegawai-pegawai tentera supaya tidak berlaku percanggahan pendapat. Di zaman Demokrasi Terpimpin ini boleh dikatakan tentera telah memperkuatkan kedudukan di dalam kerajaan tempatan, industri-

industri kerajaan dan hal-ehwal keselamatan. Presiden Sukarno pula, pada zaman Demokrasi Terpimpin ini lebih menumpukan dalam aspek ideologi Pancasila dan juga penubuhan kerajaan yang boleh mengukuhkan kedudukan beliau.

### KESIMPULAN

Begitulah berakhirnya idea Demokrasi Liberal yang cuba dipraktikan di Indonesia. Perkara yang menarik tentang kesemua Kabinet dalam tahap 1949-1957 ialah semua Kabinet yang dijatuhkan ini telah mengambil langkah-langkah untuk menstabilkan politik negara Indonesia. Contohnya, Kabinet Natsir ditumbang kerana telah mempersoalkan masalah Irian Barat. Kabinet Sukiman ditumbang kerana pakatan keselamatan dengan Amerika. Kabinet Wilopo ditumbang kerana menghalau para setingan dari ladang pertanian di Sumatera Timur. Kabinet Ali Sastroamidjojo I ditumbang kerana keengganan menerima calon yang dikemukakan untuk jawatan Ketua Tentera. Kabinet Burhanuddin tumbang kerana penyelesaian masalah Irian- Barat. Kepentingan politik Individu dan parti lebih diutamakan dari kepentingan negara. Bab lima, akan mengkaji sebab-sebab kegagalan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia.